

Akaun Simpanan Asas-i

Nama Produk: Akaun Simpanan-i Aqil

Apakah Akaun Simpanan-i Aqil?

Akaun Simpanan secara Islam yang memulakan langkah pertama kepada kewangan Islam.

1

Maklumat Am	
Kontrak Syariah	Qard
Definisi	Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang daripada pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam adalah terikat untuk membayar balik jumlah dengan nilai yang sama kepada pemberi pinjaman.
Pematuhan Syariah	Kesemua simpanan tunai yang diterima di dalam Akaun Simpanan-i Aqil akan ditadbir dan dilaburkan di dalam aset-aset yang memenuhi kehendak Syariah.
Kelayakan	
Umur	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).
Akaun Amanah	<ul style="list-style-type: none"> Untuk individu di bawah 18 tahun ("Minor"), akaun amanah boleh dibuka atas nama Ibu bapa/Penjaga. Akaun hanya boleh dibuka dengan tidak lebih daripada 1 penerima (minor) bagaimanapun ia mungkin boleh melebihi 1 pemegang amanah (Ibu bapa/Penjaga).
Warganegara	Terbuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada mandat asal). <i>Nota: Anda hanya layak untuk memegang satu akaun simpanan asas sahaja dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad.</i>
Dokumen yang Diperlukan	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas. <ul style="list-style-type: none"> Kad Pengenalan atau Pasport. Individu di bawah umur 18 tahun (akaun amanah). <ul style="list-style-type: none"> Sijil Lahir individu terbabit, Kad Pengenalan Ibu bapa/Penjaga, Sijil Pengesahan Penjaga (jika berkenaan).
Simpanan Permulaan Minimum	RM20
Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun	RM10 Sebarang transaksi yang menyebabkan baki tinggal kurang daripada baki minimum akan ditolak.
Perkhidmatan	
Perbankan Online OCBC Al-Amin Bank Berhad	Lobi Perbankan Elektronik – eLobby <ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan ATM yang menyediakan pengeluaran tunai, pindahan dana, pertanyaan baki, permohonan buku cek dan banyak lagi – 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Mesin Simpanan Tunai membolehkan anda memasukkan atau membayar wang tunai dengan atau tanpa kad Debit ke akaun anda sendiri atau akaun OCBC pihak ketiga. Mesin Kemasukan Cek memberikan anda cara mudah dan pantas untuk memasukkan cek ke dalam akaun-akaun OCBC. Perbankan Internet OCBC <ul style="list-style-type: none"> Akses akaun OCBC anda 24 jam sehari dengan selesa dari rumah atau pejabat anda. Daftar percuma dengan nombor Kad Debit dan PIN di laman web OCBC Malaysia. Perbankan Telefon OCBC <ul style="list-style-type: none"> Jawapan kepada pertanyaan perbankan anda kini hanya dengan satu panggilan sahaja. Pilih daripada menu layan diri atau berbual dengan Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia).
Pengeluaran Antara Cawangan	Sehingga RM300,000 bagi setiap akaun setiap hari.
Arahan Tetap	Daftarlah untuk arahan tetap bagi pembayaran bil-bil rutin anda.

Akaun Simpanan Asas-i

Terma Lain	Akaun yang tidak mempunyai apa-apa baki secara berterusan selama 90 hari akan ditutup. Bank akan memaklumkan anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum penutupan akaun. Pengaktifan semula akaun yang ditutup adalah atas budi bicara mutlak OCBC Al-Amin.				
Ciri-ciri dan Manfaat					
Penyata Akaun	Akaun anda didatangkan dengan penyata elektronik secara asal yang boleh didapati di Perbankan Online OCBC dan/atau dihantar ke alamat e-mel anda. Penyata bercetak hanya akan dihantar kepada anda setiap bulan atas permintaan. Caj RM10.00 sebulan akan dikenakan dengan setiap permohonan penyata tambahan.				
Transaksi Tanpa Had Percuma	Anda boleh menikmati transaksi tanda had melalui kaunter dan pengeluaran tunai ATM tanpa dikenakan kos. (Sah untuk Rangkaian ATM OCBC Al-Amin Bank Berhad dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad).				
Insurans Simpanan	Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Untuk maklumat anda, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM.				
Pengendalian Akaun Dorman	Mana-mana akaun simpanan-i atau akaun semasa-i yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman. <table border="1" data-bbox="381 994 1441 1207"> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td> <td>Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td> </tr> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td> <td>Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".</td> </tr> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad dengan sendiri.</p>	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".				
Polisi Wang yang Tak Dituntut	Sila ambil perhatian bahawa mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.				
Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> Akaun bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih dan mestilah berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan dengan setiap permohonan. Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun. Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang. Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Al-Amin Bank Berhad) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama. Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan. Jika OCBC Al-Amin Bank Berhad menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh memilih untuk bertindak atas mandate yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama. 				

Akaun Simpanan Asas-i

	<ul style="list-style-type: none"> Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut. OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat yang dikenakan oleh OCBC Al-Amin Bank Berhad, dipenuhi.
--	---

Ringkasan Yuran dan Caj	
Penutupan Awal • Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan	RM20
Akaun Dorman Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir	Akaun dengan baki sehingga RM10.00: Baki akan diserap dan akaun akan ditutup. Akaun dengan baki melebihi RM10.00: RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut".
Kad Debit-i <ul style="list-style-type: none"> Yuran Pendaftaran (Yuran sekali bayar)¹ Yuran Tahunan² <p>¹Dikecualikan jika tukar kad ATM ke kad debit atau jika kad debit hanya dikaitkan kepada EasiSave Account, Basic Current Account, Aqil Savings Account-i dan/atau Mumtaz Current Account-i.</p> <p>²Dikecualikan jika kad debit hanya dikaitkan kepada EasiSave Account, Basic Current Account, Aqil Savings Account-i dan/atau Mumtaz Current Account-i.</p>	RM8.00 RM8.00 setahun
Perkhidmatan Pengeluaran Tunai <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo MasterCard Pengeluaran dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian MEPS Pengeluaran dari ATM HSBC, UOB, Standard Chartered Bank (dalam Malaysia) Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia Pemindahan Segera MEPS ATM MEPS Pemindahan Segera MEPS dari ATM OCBC Yuran Penggantian Kad Yuran Tukaran Luar Negara	RM10.00 Sehingga RM1.00* untuk setiap transaksi (ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM) RM1.00 Tiada caj Tiada caj (untuk transaksi berjumlah RM5,000 dan ke bawah); Yuran ditentukan oleh institusi kewangan yang menyediakan kemudahan ATM (bagi transaksi berjumlah RM5,000 ke atas) Tiada caj RM12.00 Kadar Tukaran sepertimana ditetapkan oleh VISA, MasterCard atau AMEX, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang



Akaun Simpanan Asas-i

	dikenakan oleh VISA, MasterCard atau AMEX
Yuran dan Caj-caj Lain	Sila rujuk Personal Banking > Fees & Charges di laman web OCBC Malaysia untuk yuran dan caj-caj lain
Maklumat Perhubungan	
OCBC Al-Amin Bank Berhad	<p>Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi cawangan-cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut atau emel kepada alamat berikut (sila rujuk Help & Support > The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):</p> <p style="text-align: center;">Service Transformation Department OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
Bank Negara Malaysia	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none"> • BNMLINK atau rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	Hubungi talian hotline (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Hubungi Kami di laman web PIDM)

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkaraperkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Al-Amin Bank Berhad tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Simpanan-i Aqil OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Al-Amin Bank Berhad terlebih dahulu.